JENDELA INFO

EDISI 1/2026 | JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK



EKONOMI GIG

Imbas untuk keterangan lanjut

Definisi

- Sistem ekonomi yang menawarkan tempoh masa kerja singkat berbanding pekerjaan tetap.
- Penyatuan tugas khusus yang boleh dilakukan pada masa tertentu bagi membolehkan pembekal dan pembeli berurusan secara kos efektif tanpa melibatkan majikan tradisional.
- Individu melakukan kerja berasingan yang dibayar secara berasingan, bukannya bekerja untuk satu majikan.
- Dikenali sebagai karyawan bebas atau *freelance.*

Pihak Terlibat:

- Terdapat tiga pihak utama: pekerja Gig (karyawan bebas), pelanggan dan syarikat penyedia platform.
- Contoh penyedia platform termasuk GrabFood, Foodpanda, Lalamove, Bungkusit dan perkhidmatan e-hailing seperti Grab.

Inisiatif Kerajaan:

- Inisiatif Tenaga Kerja Dalam Talian Global atau **GLOW Generator** diperkenalkan untuk memperkasakan bakat tempatan menjadi karyawan bebas dan mempromosikan kepakaran mereka ke pasaran global secara dalam talian.

Kemahiran Mendapat Permintaan Tinggi:

- Kemahiran dan perkhidmatan ini ditawarkan melalui aplikasi atau platform.
- Terdapat 10 kemahiran utama yang mendapat permintaan tinggi seperti, Pembangunan Web dan Mudah Alih, Perakaunan, Penulisan Kandungan, Penyelidikan Internet, Editor, Reka Bentuk Web, Perunding, Pereka Grafik, Perekrut dan Kemasukan Data.

Status Perniagaan dan Perundangan:

- Ekonomi Gig adalah salah satu model perniagaan dalam e-Dagang atau Ekonomi Digital.
- Aktiviti ini dikategorikan sebagai aktiviti perniagaan dan tertakluk di bawah **Seksyen 4 (a) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.**

Sumber: https://www.hasil.gov.my/media/uenbuv3w/11-ekonomi-gig.pdf



i-Saraan

Pengenalan

i-Saraan ialah inisiatif caruman sukarela yang diperkenalkan oleh KWSP untuk membantu Individu yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, anggota perkhidmatan awam dalam skim perkhidmatan berpencen, serta pekerja sektor ekonomi gig menerima insentif kerajaan bagi meningkatkan simpanan persaraan mereka.

Syarat-syarat Permohonan

- Telah mendaftar sebagai ahli KWSP
- Warganegara Malaysia
- Belum mencapai umur 60 tahun

Faedah

01 Menerima **insentif khas sebanyak 20%** daripada jumlah caruman sukarela KWSP **dalam tahun semasa**, dengan jumlah **maksimum sehingga RM500** seperti contoh berikut:

Pencarum A:
- Jumlah Caruman Terkumpul Bagi Tahun Semasa: RM1,000
- Amaun Tahunan Insentif Khas: RM200

Pencarum B:
- Jumlah Caruman Terkumpul Bagi Tahun Semasa: RM2,500
- Amaun Tahunan Insentif Khas: RM500

Pencarum C:
- Jumlah Caruman Terkumpul Bagi Tahun Semasa: RM5,000
- Amaun Tahunan Insentif Khas: RM500

Nota: Had insentif seumur hidup adalah RM5,000 atau sehingga mencapai umur 60 tahun, yang mana lebih awal, tertakluk kepada terma dan syarat kerajaan.

02 **Bantuan kematian:** Tertakluk kepada terma dan syarat KWSP

03 **Dividen tahunan:** Menikmati dividen tahunan atas simpanan persaraan

04 **Pelepasan cukai:** Tertakluk kepada terma dan syarat LHDN

Imbas untuk keterangan lanjut

Sumber: https://www.kwsp.gov.my/ms/ahli/simpanan/i-saraan